

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 14 Mei 2025**

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

**MAC 2025**

---

### **Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 20.3 peratus pada Mac 2025**

**PUTRAJAYA, 14 MEI 2025** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Mac 2025**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 20.3 peratus pada Mac 2025 (28,712 tan metrik) berbanding pada Februari 2025 (36,005 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 6.5 peratus (Mac 2024: 26,966 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Mac 2025 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (90.9%) berbanding sektor estet (9.1%).

Jumlah stok getah asli pada Mac 2025 meningkat 4.1 peratus kepada 215,054 tan metrik berbanding 206,665 tan metrik pada Februari 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 87.6 peratus diikuti kilang pengguna getah (12.3%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 52,573 tan metrik pada Mac 2025, menurun 4.1 peratus berbanding Februari 2025 (54,847 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 47.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mac 2025 diikuti Jerman (8.0%), Amerika Syarikat (7.4%), Emiriah Arab Bersatu (6.3%) dan Mesir (3.3%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.3 billion pada Mac 2025, meningkat 9.5 peratus berbanding Februari 2025 (RM1.2 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 0.4 peratus (Mac 2025: 696.05 sen sekilogram; Februari 2025: 693.13 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 1.1 peratus (Mac 2025: 761.92 sen sekilogram; Februari 2025: 770.44 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula bercampur antara meningkat 0.4 peratus dan menurun 1.9 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 1.5 peratus (daripada USD2.01/kg kepada USD1.98/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 2.1 peratus (daripada USD2.41/kg kepada USD2.36/kg).

Prestasi suku pertama 2025 menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 18.8 peratus kepada 95,059 tan metrik berbanding 117,040 tan metrik pada suku keempat 2024. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku pertama 2025 pula mencatatkan peningkatan 9.3 peratus berbanding suku pertama 2024 (86,944 tan metrik).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Mac 2025, Pasaran Getah Kuala Lumpur bergerak dalam trend bercampur-campur seiring dengan pasaran niaga hadapan getah serantau berikutan sentimen pasaran bertindak balas terhadap keputusan tarif perdagangan Amerika Syarikat dan perang perdagangan global yang berleluasa. Kerugian dalam harga minyak mentah dan turun naik dalam ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat di tengah-tengah krisis geopolitik yang semakin meningkat turut menjatuhkan sentimen pasaran.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Mac 2024, Februari - Mac 2025 ('000 tan metrik)**



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Mac 2024, Februari - Mac 2025  
('000 tan metrik)**



**Carta 3: Pengeluaran getah asli Suku Tahunan 2024/2025  
('000 tan metrik)**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
14 MEI 2025**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, May 14<sup>th</sup> 2025**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## **MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA**

**MARCH 2025**

---

### ***Malaysia natural rubber production decreased by 20.3 per cent in March 2025***

**PUTRAJAYA, MAY 14, 2025** – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, March 2025**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 20.3 per cent in March 2025 (28,712 tonnes) as compared to February 2025 (36,005 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 6.5 per cent (March 2024: 26,966 tonnes). Production of NR in March 2025 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (90.9%) as compared to estates sector (9.1%).

Total stocks of NR in March 2025 increased by 4.1 per cent to 215,054 tonnes as compared to 206,665 tonnes in February 2025. Rubber processors factory contributed 87.6 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (12.3%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 52,573 tonnes in March 2025, decreased 4.1 per cent as against February 2025 (54,847 tonnes). P.R. China remained as the main

*destination for NR exports which accounted 47.7 per cent of total exports in March 2025 followed by Germany (8.0%), the United States of America (7.4%), the United Arab Emirates (6.3%) and Egypt (3.3%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.3 billion in March 2025, an increase of 9.5 per cent as compared to February 2025 (RM1.2 billion).*

*Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 0.4 per cent (March 2025: 696.05 sen per kg; February 2025: 693.13 sen per kg) while Scrap decreased by 1.1 per cent (March 2025: 761.92 sen per kg; February 2025: 770.44 sen per kg). Trend of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) is mixed between increased 0.4 per cent and decreased 1.9 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 1.5 per cent (from USD2.01/kg to USD1.98/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 2.1 per cent (from USD2.41/kg to USD2.36/kg).*

*The performance of the first quarter of 2025 showed natural rubber production decreased by 18.8 per cent to 95,059 tonnes as compared to 117,040 tonnes in the fourth quarter of 2024. The annual performance of Malaysia's natural rubber production in the first quarter of 2025 recorded an increase of 9.3 per cent as compared to the first quarter 2024 (86,944 tonnes).*

*According to the Malaysia Rubber Board Digest published in March 2025, the Kuala Lumpur Rubber Market moved in a mixed trend in tandem with the regional rubber futures markets as the market sentiment responded to the United States of America trade tariff decisions and an expanded global trade war. Losses in crude oil prices and fluctuations in the ringgit against the United States of America dollar amid the rising geopolitical crisis also dragged down market sentiment.*


*ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15<sup>th</sup> ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.*

*Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67<sup>th</sup> position in the ODIN 2022/23 assessment.*


*The Government of Malaysia has declared October 20<sup>th</sup> as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20<sup>th</sup> October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.*

*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber March 2024, February - March 2025 ('000 tonnes)**



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber March 2024, February - March 2025**  
('000 tonnes)



**Chart 3: Natural rubber production Quarterly 2024/2025**  
('000 tonnes)



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
14 MAY 2025**